

PPPM redakan keresahan pelajar IPT

PULAU PINANG 22 Feb. – Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015 – 2025 (PPPM (PT)) dapat meredakan kebimbangan mahasiswa berhubung kebolehpasaran mereka selepas menamatkan pengajian.

Perkara itu memandangkan pelan tersebut yang turut menekankan kepada aspek pembangunan keusahawanan dalam kalangan mahasiswa secara tidak langsung memberi kelebihan kepada golongan berkenaan untuk diterima dalam persekitaran pekerjaan sebenar.

Selain itu menurut Presiden Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Putra Malaysia (UPM), **Muhammad Hanif Ramlan**, mahasiswa juga dapat berhubung lebih rapat dengan pihak industri yang dibuka lebih ruang untuk bekerjasama dengan universiti menerusi pelan berkenaan.

“Rata-rata kebimbangan mahasiswa ketika ini adalah tentang kebolehpasaran mereka selepas tamat pengajian.

“Maka pelan ini yang menekankan kepada konsep hubungan dengan syarikat-syarikat multinasional diharapkan dapat meningkatkan kebolehpasaran mereka sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada kerajaan,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Sementara itu, Presiden MPP Universiti Sains Malaysia (USM), **Mohamad Shafiq Kamaruddin** berkata, penekanan pengajian secara online menerusi pelan tersebut dapat mendedahkan mahasiswa kepada bentuk pengajian rentas benua.

Menurutnya, dalam dunia yang dihubungkan sepenuhnya secara maya hari ini, mahasiswa perlu menggunakan kelebihan itu untuk meneroka cabang ilmu yang lebih luas termasuk yang ditawarkan pakar-pakar di luar negara.

“Perkara ini sangat menarik untuk diterokai mahasiswa yang boleh dikelompokkan sebagai penuntut moden dan canggih hari ini.

“Namun dalam masa sama, kita juga berharap pelan ini benar-benar dilaksanakan mengikut strategi yang dirangka kerana kita tidak mahu mahasiswa beranggapan dijadikan bahan eksperimen,” katanya.

Bagi Presiden MPP Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza), **Muhamad Anas Misbahudin**



MOHAMAD SHAFIQ KAMARUDDIN



MUHAMAD ANAS MISBAHUDIN

pula, beliau melihat kelebihan kuasa autonomi yang diberikan kepada universiti menerusi pelan berkenaan dapat membantu pihak universiti mengurus tadbir menggunakan acuan sendiri serta berdasarkan persekitaran institusi pengajian tinggi (IPT) itu sepenuhnya.

Selain itu tambahnya, kuasa autonomi tersebut juga dapat mengurangkan kerentahan birokrasi terutama di peringkat kementerian sekali gus dapat memacu universiti ke arah kecemerlangan.

“Paling utama kebebasan yang dinikmati universiti ini dapat meningkatkan kuasa pihak pengurusan untuk membuat keputusan dari aspek dana, pembentukan kurikulum dan penggunaan sumber manusia,” katanya.

Dalam masa sama, beliau melihat kuasa autonomi kepada pihak universiti itu turut memberi kelebihan kepada mahasiswa yang kini berpeluang mengikuti bidang pengajian menepati minat dan kecenderungan mereka tanpa dipengaruhi pihak luar.